

04 JUN 1996

Mahathir-Gandum

KERAJAAN TIDAK DAPAT HALANG KENAIKAN HARGA TEPUNG GANDUM

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak dapat menghalang kenaikan harga tepung gandum, tetapi akan mengambil langkah memastikan kenaikan itu adalah berpatututan.

Semasa bercakap kepada wartawan selepas merasmikan Hari Pengguna Sedunia 1996 dan pelancaran Pertandingan Keluarga Hidup Selesa di Pusat Islam di sini hari ini, beliau berkata: "Kenaikan harga tepung gandum tidak dapat dielakkan kerana bahan itu diimport. Harganya naik 100 peratus, kita akan berusaha kawal secara berpatututan."

Perdana Menteri berkata beliau hairan kenapa peniaga menaikkan harga roti canai sedangkan cuma peratus yang kecil sahaja diperlukan bagi membuat roti canai.

Katanya: "Harga bahan lain seperti minyak, telur, gula dan upah pekerja tidak naik. Oleh demikian kenapa naik harga roti canai sampai 10 peratus?"

Dr Mahathir membidas sikap pengeluar roti (bakeri) yang mengambil kesempatan menaikkan harga berikutan kenaikan harga tepung gandum sedangkan mereka juga membuat kek dan lain-lain di samping roti.

Perdana Menteri berkata perbuatan sesetengah pihak yang mengambil kesempatan berikutan kenaikan harga tepung itu adalah tidak bertanggungjawab kerana tindakan mereka menyebabkan inflasi padahal pihak bakeri boleh menampung kenaikan harga bahan itu.

"Saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa sesiapa yang menaikkan harga, dia terpaksa menanggung akibatnya. Bagi pertimbanganlah. Jangan jadi macam di Langkawi di mana mereka menaikkan harga apabila permintaan tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata yang penting peniaga mestilah jangan bersikap tamak.

Menurut Perdana Menteri, ada kalanya barangan yang diimport meningkat harganya dan keadaan sebegini amat sukar dikawal, dan di sinilah pengguna boleh memainkan peranan dengan berjimat-cermat dan mengurangkan penggunaan barangan berkenaan.

"Di mana mungkin, kita gunakan barangan gantian tempatan. Demikian jugalah dengan barangan mewah yang diimport di mana pengguna harus kurangkan penggunaannya untuk memaksa harga barangan import itu akan dikurangkan dan kualiti akan diperbaiki," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar semasa ditemui pemberita berkata kajian mengenai bekalan dan harga tepung gandum yang dijalankan oleh kementeriannya kini di peringkat akhir.

"Kita akan bantangkan laporan kajian itu pada mesyuarat kabinet tidak lama lagi," katanya.

Semasa ditanya mungkinkah laporan itu dibentangkan pada mesyuarat kabinet esok, Abu Hassan berkata: "Tidak mungkin tetapi minggu depan mungkin dan keputusan kabinet nanti akan diumumkan."

Beliau berkata pengilang-pengilang tepung negara ini memohon kepada kerajaan supaya harga tepung gandum dinaikkan sebanyak 40 sen sekilo.

"Kita akan mengkaji permintaan mereka dan menyediakan satu formula mengenai harga baru tepung gandum untuk masa akan datang berdasarkan bekalan dan harga gandum semasa," katanya.

Abu Hassan memberi amaran bahawa tindakan akan diambil terhadap pengilang, pemborong atau peruncit yang menaikkan harga tepung gandum

kerana buat masa ini kerajaan belum lagi memutuskan mengenai harga baru barang kawalan itu.

Beliau berkata bahagian penguatkuasa kementerian sentiasa memeriksa premis perniagaan untuk menentukan tidak berlaku sorokan ke atas barang kawalan itu.

Tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap yang cuba mengambil kesempatan kekurangan bekalan tepung gandum sekarang.

Abu Hassan berkata mesyuarat kabinet minggu lepas telah mengarahkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia supaya memperketatkan lagi kawalan agar tepung gandum tidak diseludup keluar memandangkan harga barangan itu adalah termurah di rantau ini serta untuk memastikan bahawa bekalannya di negara ini tidak terjejas.

Beliau berkata kerajaan akan mengkaji syarat-syarat lesen pembekal tepung gandum yang mengeksport bahan itu ke negara-negara jiran.

"Jika perbuatan mereka bertentangan dengan syarat lesen yang diluluskan, tindak tegas akan diambil," katanya menjawab soalan kononnya terdapat pengilang tepung negara ini lebih berminat membekalkan bahan itu kepada negara-negara jiran kerana tawaran harga yang lebih tinggi berbanding dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan negara ini.

-- BERNAMA/SJA

AHH